

28 JUN 2001

AZIM KEKAL PENERUS BSN

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Datuk Abdul Azim Mohd Zabidi mengekalkan jawatannya sebagai Pengerusi Bank Simpanan Nasional (BSN) bagi penggal kedua berkuatkuasa 1 Julai ini sehingga 30 Jun 2003.

Menurut kenyataan Pegawai Khasnya Nassry Asmady hari ini, surat lanjutan perkhidmatan Azim selama dua tahun itu telah ditandatangani oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Azim, 42, memulakan tugasnya sebagai Pengerusi BSN pada 1 Julai 1999 setelah mengambilalih daripada Datuk Ahmad Zahid Hamidi.

-- BERNAMA

MHI AU LAT